

12 FEB 1999
Ibrahim-JPP
JPP KELANTAN AKAN DIBERI NAFAS BARU

KOTA BAHARU, 12 Feb (Bernama) -- Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Kelantan akan diberi nafas baru dengan pengubahsuaian yang lebih bermakna untuk memenuhi fungsi dan harapan sebenar kerajaan pusat.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali berkata, beliau akan mendengar taklimat di JPP pada 17 Feb untuk mengetahui perkembangan dan struktur perjalanannya dan kemudian mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak terbabit.

"Ini penting sebab setiap projek yang dilaksanakan dapat memberi kebaikan maksimum kepada rakyat Kelantan", katanya kepada pemberita selepas menyampaikan cek bernilai RM90,000 kepada Sekolah Kebangsaan Agama Bunut Sarang Burung, Pasir Mas, hari ini.

Cek itu diluluskan oleh Kementerian Pendidikan bagi tujuan pembinaan bangunan baru sekolah berkenaan untuk menampung jumlah pelajar yang bertambah.

Ibrahim berkata, beliau diberi amanah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini untuk mengawasi perjalanan JPP disamping merancang apakah yang patut dilakukan bagi tujuan itu.

Katanya, beliau akan meneliti perjalanan JPP bagi memastikan rakyat benar-benar mendapat faedahnya serta projek-projek yang dilaksanakan kelak dapat menyatu padukan rakyat Kelantan.

Mengenai masalah bekalan air di negeri ini, beliau berkata rakyat Kelantan yang tidak berpuas hati dengan bekalan air yang kotor dan tidak mencukupi berhak membuat pengaduan kepada Biro Pencegah Rasuah (BPR).

Beliau turut mencadangkan kerajaan negeri agar menubuhkan suruhanjaya diraja bagi menyelesaikan pertikaian mengenai bekalan air dengan Kelantan Water Sdn. Bhd.

Katanya, menerusi suruhanjaya itu kerajaan negeri dapat mengetahui siapa yang bersalah dan dapat membersihkan nama Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Nik Mat berikutan kegagalannya menyelesaikan masalah itu sehingga syarikat terbabit menuntut caj perkhidmatan tertunggak hampir RM100 juta.

-- BERNAMA
WM RHM